

Krisis MCA-Gerakan

Perpaduan Barisan perlu dikekal -Ismail

IPOH, Khamis — Kalangan pemimpin UMNO hari ini melahirkan harapan agar pergeseran politik antara dua buah parti komponen Barisan Nasional di Perak tidak menuju bertambah buruk.

Ini ialah kerana bimbang ia boleh menjejaskan UMNO yang sekarang amat dihormati sebagai "tulang belakang" Barisan Nasional.

Difahamkan pemimpin-pemimpin UMNO sedang menumpukan perhatian teliti telatah dua pemimpin — Dr. Lim Keng Yik (Gerakan) dan Encik Peter Chin (MCA).

Ketua UMNO Bahagian Ipoh Datuk Ismail Abdul Majid ketika di t e m u i berkata, "sebarang perpecahan berlaku tidak akan menguntungkan mana-mana pihak, malah merugikan kita semua."

"Kita tidak mahu nama UMNO selaku abang kepada parti-parti komponen yang lain tercemar dalam Barisan akibat telatah adik-adiknya."

Datuk Ismail menambah keadaan parti-parti komponen Barisan sekarang jauh berbeza dengan rakan-rakan UMNO ketika zaman pemerintahan Perikatan dahulu.

Menguatkan

Datuk Ismail menasihatkan pemimpin-pemimpin yang lebih muda, supaya terus menguatkan kedudukan Barisan Nasional untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

Sebarang perselisihan, katanya akan memberi peluang kepada anasir-anasir jahat menggunakan kesempatan.

"Kita tidak mahu parti politik kita diperalatkan sepertimana kejadian bekas Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri Encik Siddiq Ghouse dipergunakan oleh agen KGB Russia."

Datuk Ismail berharap pergolakan politik antara Gerakan-MCA yang masih berlarutan tidak menjejaskan susunan Kabinet Perdana Menteri baru Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia